

Media: Sinar Plus

Date: 22 Mar 2021

Tiada Idea Nak Masak? Ajinomoto Sediakan Lebih 200 Resipi Menarik Melalui Laman Web Mereka



March 22, 2021 Oleh Lynn Mazliza

PENULARIAN wabak Covid-19 yang bermula sejak tahun lalu telah menyebabkan aktiviti memasak di rumah telah menjadi norma baharu bagi kebanyakan keluarga.

Meskipun memasak merupakan aktiviti yang menyeronokkan, ketiduan idea dalam penyediaan makanan dapat membantu keseronokan aktiviti tersebut.



Sehubungan itu, Ajinomoto Malaysia tampil memberi idea kepada golongan suri rumah mahupun ibu bapa yang berkerja dengan memuat naik lebih banyak laman resipi di laman web mereka.



ANTARA resipi-resipi menarik yang terdapat dalam laman web <https://www.ajinomoto.com.my/recipes>.



"Ajinomoto telah memperkenalkan beberapa ciri baharu pada laman resipi yang telah ditambah baik bagi meningkatkan pengalaman para pengguna dengan resipi dan maklumat nutrisi yang padat.

"Kolum kategori baharu juga diwujudkan untuk memudahkan proses pencarian resipi yang diinginkan. Kategori 'Khas Buat Anda' pula telah diperkenalkan bagi memenuhi keperluan khusus kumpulan yang lebih spesifik seperti kanak-kanak, kumpulan warga emas, diet kurang sodium dan individu aktif.

"Pengalaman meneroka laman resipi tersebut akan bertambah menarik apabila para pengguna dapat menemukan resipi baharu yang menepati keperluan dan citarasa mereka," kata Ajinomoto dalam satu kenyataan akhbar.



ANTARA resipi-resipi menarik yang terdapat dalam laman web <https://www.ajinomoto.com.my/recipes>.

KEENAKAN PERENCAH UMAMI

Oleh kerana tabiat pemakanan merupakan cerminan gaya hidup, Ajinomoto telah bekerjasama dengan pakar-pakar nutrisi dalam penghasilan resipi, panduan kesihatan dan maklumat nutrisi untuk set makanan seimbang yang berlandaskan tiga tahap ketahanan yang berbeza (rendah, sederhana dan tinggi).

Kata Ajinomoto, resipi berkanadungan sodium rendah yang dikongsikan di laman web tersebut akan dapat memanfaatkan golongan warga dan seisi keluarga.

” Penggunaan perencah umami (MSG) istimewa Ajinomoto dapat mengurangkan kadar pengambilan sodium/ garam sambil mengekalkan keenakan setiap hidangan makanan. Bukan itu sahaja, resipi untuk kanak-kanak juga kaya dengan khasiat selain enak dan menarik.

"Bagi para ibu yang perlu menyuap si kecil yang cerewet, hal demikian merupakan sebuah impian menjadi kenyataan.

"Ajinomoto percaya, dengan menggabungkan rasa Umami dalam hidangan makanan, akan dapat mengurangkan beban para suri rumah dan ibu bapa tatkala memasak di rumah, manakala seluruh keluarga pula akan dapat menikmati masakan enak dan berkhasiat serta dapat meningkatkan sistem imuniti dan kesihatan mereka," katanya.



Dengan lebih 200 resipi yang menarik, setiap orang akan dapat mencuba setiap jenis hidangan hanya dengan melayari <https://www.ajinomoto.com.my/recipes>.

Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) bagi mendorong orang awam untuk 'Eat Well, Live Well' bersama Ajinomoto.